

## Pemakaian pelitup muka dalam kalangan pengendali makanan diwajibkan berperingkat

Ruwaida Md Zain  
am@hmetro.com.my

Shah Alam: Penguatkuasaan penggunaan pelitup muka dalam kalangan penyedia dan pengendali makanan serta minuman di Selangor akan dilaksanakan secara berperingkat.

Bagaimanapun semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini digalakkan melaksanakan penguatkuasaan berkenaan di bawah kawasan pentadbiran masing-masing mulai sekarang.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, dalam tempoh satu hingga tiga bulan pertama, pemakaian pelitup muka itu lebih kepada proses pendidikan sebelum diwajibkan secara menyeluruh.

"(Belum dikuatkuasakan) ..sebab kita perlu melakukan beberapa pertambahan dalam Undang-undang Kecil (UUK) sebab ia membabitkan UUK di peringkat PBT... jadi kalau hendak laksanakan, kena ada pelarasan."

"Sekarang, kita melihat ada kepentingan kesihatan awam jika (penyedia dan pengendali makanan) memakai pelitup muka.

"Jadi pihak PBT cuba untuk (laksana) pendekatan secara perlahan-lahan ..mungkin pendekatan ini dibuat sebelum melaksanakan undang-undang supaya kompaun atau peraturan tertentu boleh dibuat kelak," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Penutupan Gerak Gempur SPM, di sini hari ini.

Beliau mengulas inisiatif Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) berhubung perkara itu.

Mengulas lanjut katanya, selain menangani pandemik Covid-19, pendekatan diambil PBT itu juga memberikan keyakinan kepada pelanggan ketika proses penyediaan dan menghidangkan makanan.

"Pandemik Covid-19 adalah satu daripada contoh, tetapi perkara lain juga boleh tersebar, sebab itu kita menggalakkan pemakaian pelitup muka perlahan-lahan.

"Apabila melihat mereka yang menghidang dan menyediakan makanan memakai pelitup muka... keyakinan serta kebersihan terhadap makanan lebih tinggi," katanya.

Sebelum ini media melaporkan, MPKj meningkatkan penguatkuasaan pemakaian pelitup muka wajib itu terhadap peniaga makanan dan minuman berkuat kuasa tahun depan.

Dikuti dengan MPS menerusi Facebook rasminya yang memaklumkan akan mengenakan kompaun terhadap peniaga yang gagal mematuhi arahan berkenaan.

Disiarkan pada: Disember 29, 2022 @ 6:21pm